

# 77 syarikat hiliran IPTA jana RM48.7j



“**Pelaburan besar dalam bidang R&D universiti tidak bererti penyelidik harus mencatat keputusan dalam tempoh singkat. Sebaliknya, *skop kejayaan harus dilihat dengan lebih meluas, termasuk usaha universiti melahirkan lebih ramai graduan peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD)*”**

**Dr Arham Abdullah,**  
Pegawai Bahagian Hubungan Industri, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan

## » Penubuhan syarikat hasil kejayaan R&D penyelidik tempatan

**Oleh Fairuz Zaidan dan Azrul Affandi Sobry**  
bhnews@bh.com.my

### ■ Kuala Lumpur

**L**ima institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang diiktiraf kerajaan sebagai universiti penyelidikan (RU) sejak 2007, sudah menubuhkan 77 syarikat hiliran untuk menjana pendapatan menerusi hasil penyelidikannya.

Pegawai Bahagian Hubungan Industri, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Prof Madya Dr Arham Abdullah, berkata penubuhan syarikat hiliran itu adalah ha-

sil kejayaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) penyelidik tempatan.

Katanya, syarikat hiliran itu menjana pendapatan menerusi pengkomersialan harta intelek dan lesen sebanyak RM48.7 juta pada tahun 2012 dan hasilnya dijangka meningkat kepada RM122 juta menjelang tahun 2020.

### **Skop kejayaan diteliti**

“Pelaburan besar dalam bidang R&D universiti tidak bererti penyelidik harus mencatat keputusan dalam tempoh singkat.

“Sebaliknya, skop kejayaan harus dilihat dengan lebih meluas, termasuk usaha universiti melahirkan lebih ramai graduan peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD),” katanya mengulas isu kekurangan pengkomersialan hasil R&D universiti.

Arham berkata, sejak lima universiti penyelidikan diwu-

▶ **Lagi rencana di muka 29**

judkan, jumlah pendaftaran pelajar PhD di IPTA berkenaan meningkat ketara iaitu daripada 8,995 pada tahun 2007 kepada 23,833 pada tahun 2012.

“Kita menjangka menjelang tahun 2020, lima universiti penyelidikan itu mampu menjana pendapatan sehingga RM3.608 bilion menerusi pengkomersialan produk inovasi mereka,” katanya.

Lima IPTA berstatus RU ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Arham berkata, selaras matlamat menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, Kementerian Pendidikan juga menggunakan model ‘The Quadruple Helix’ untuk mewujudkan kerjasama empat pihak iaitu kerajaan, ahli akademik, komuniti dan industri untuk menjana pendapatan menerusi R&D universiti.